

Jalur Gemilang berkibar megah di samudera luas

Nelayan patriotik

>>Oleh Amir Abd Hamid
amir@hmetro.com.my

PORT DICKSON: Biar-pun keletihan selepas seharian di laut menangkap ikan ketika Ramadan, ia tidak mematahkan semangat golongan nelayan, di sini, menunaikan tanggungjawab sebagai warga negara patriotik dengan memasang Jalur Gemilang di bot mereka.

Tinjauan Harian Metro di bagan Pantai Nelayan Telok Kemang, di sini, mendapati semangat patriotik golongan nelayan terbabit terserlah apabila menghiasi bot mereka dengan Jalur Gemilang.

Nelayan, Abu Bakar Bachik, 56, berkata, pemasangan Jalur Gemilang selari dengan kempen kibar bendera kebangsaan sempena Hari Kemerdekaan ke-55 pada 31 Ogos ini.

“Saya biasanya setiap hari



Metro 3/8/12
MS CC

MENARIK
...graffiti belatar
belakang Jalur
Gemilang.

akan turun ke laut untuk menangkap ikan pada jam 7 malam dan balik keesokan harinya. Itulah rezeki sebagai nelayan dan saya bersyukur hidup di bumi Malaysia.

“Pemasangan bendera kebangsaan negara ini tempat tumpah darah saya apalah sangat jika dibandingkan dengan nikmat hidup di bumi Malaysia,” katanya ketika ditemui di Pantai Nelayan Telok

Kemang, di sini, baru-baru ini.

Rakannya, Badiozaman Abu, 43, yang menjadi nelayan sejak berusia 12 tahun dengan mewarisi pekerjaan itu daripada datuk dan ayahnya berkata, sememangnya setiap kali menjelang sambutan kemerdekaan, nelayan di situ pasti menghiasi bot mereka.

Menurutnya, jika tidak

mampu kibar Jalur Gemilang bersaiz besar, cukup sekadar mereka dapat memacac bendera itu yang bersaiz kecil.

“Yang pastinya bendera kebangsaan akan berkibar di bot nelayan. Pada bukan musim perayaan pun kami kibarkan supaya pihak berkuasa di laut tahu identiti kami, inikan pula menjelang sambutan kemerdekaan, bertambahlah sikit bendera.



CINTA NEGARA...Badiozaman (kiri) dan Abu memasang Jalur Gemilang pada bot.

“Bagi saya, walaupun hanya ada Jalur Gemilang bersaiz kecil ia sudah mencukupi kerana lebih penting di sebaliknya mengibarkan bendera kebangsaan ini,” katanya.

Sementara itu, tinjauan di sekitar bandar ini mendapati ada grafiti Jalur Gemilang

berhampiran persimpangan lampu isyarat masuk ke pekan Port Dickson.

Grafiti seperti mural di dinding dengan seni yang cantik itu turut menarik perhatian pejalan kaki yang berhenti untuk mengambil gambar kenangan.